

Meru, Kapar banjir kilat

MERU - Hujan lebat selama dua jam dan disusuli ribut petir menyebabkan berlaku banjir kilat di beberapa kawasan di Meru dan Kapar, petang semalam.

Penolong Pengarah Operasi Bomba Selangor, Mohd Sani Harul berkata, hujan sejak jam 2 petang itu menyebabkan beberapa pokok tumbang dan menyebabkan kesesakan lalu lintas di Meru.

"Akibat pokok tumbang, ada sesetengah kawasan di Meru terputus bekalan elektrik," katanya.

Mohd Sani berkata, Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor menerima lebih 20 panggilan telefon mengenai kes tersebut.

Katanya, tiga buah jentera daripada Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Pinang, Kota Anggerik dan Kota Raja dengan kekuatan 21 anggota bergegas ke kawasan kejadian.

Beliau berkata, banjir surut selepas hujan berhenti manakala pihak bomba menjalankan kerja-kerja mengalihkan pokok tumbang di atas jalan.



Antara pokok yang tumbang akibat ribut petir di Meru, semalam.